

Abstrak

Kajian ini menyelidiki hubungan antara penutur bahasa utama dengan tanggapan yang dipegang secara langsung atau tidak langsung mengenai dunia (*world view*) oleh dua kumpulan pelajar etnik Cina. Dengan menggunakan temuduga sebagai alat utama untuk mengumpul maklumat, penyelidik mendapat tindakbalas spontan dari kumpulan murid pertama yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pertama dan kumpulan murid kedua yang mengguna bahasa Cina sebagai bahasa pertama. Perangsang yang digunakan dalam kajian ini tertumpu kepada lima tema berdasarkan kepada versi model Nostrand Emergent (1974). Tema-tema adalah seperti berikut: cinta, makanan, keluarga, pendidikan dan pengetahuan serta etiket Cina. Walaupun bangsa sering dicirikan mengikut kebudayaan, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa dalam masyarakat majmuk di Malaysia, kumpulan etnik tidak mempunyai korelasi yang rapat dengan kebudayaan dan pandangan masyarakat. Dapatan kajian ini menunjuk bahawa bahasa pertama (dan cara pemikiran pengguna bahasa pertama) serta alam sekeliling merupakan pengaruh yang lebih besar.

Abstract

This study examines the relationship between world view and first language of two groups of ethnic Chinese students. Using the structured interview as the chief instrument of data collection, the researcher obtained spoken responses from one group whose first language is English and another whose first language is Chinese. The stimuli used in the study focussed on five selected themes based on a modified version of the Nostrand Emergent model (1974). The five themes are love, food, family, education and knowledge and Chinese etiquette. Although culture is often divided along racial lines, findings showed that in the multicultural Malaysian setting, ethnicity does not correlate closely with culture and world view. The study rather points to the influences of first language (and the patterns of thought of its users) and the environment as the more potent influences.